

01/11/1999

Dasar pendidikan negara menyatukan semua bangsa

Mohd Feroz Abu Bakar

PENDIDIKAN di Semenanjung Tanah Melayu bermula sejak abad ke-15 iaitu pendidikan tidak rasmi yang dipelopori pedagang Islam dari Tanah Arab dan India.

Mereka mengajar bacaan al-Quran dan tajwid, tafsir al-Quran, hadis, fikah dan tauhid di surau atau masjid yang kemudiannya berkembang secara lebih teratur selepas wujud apa yang kemudiannya dinamakan 'sekolah pondok'.

Buku rujukan ketika itu datang dari Tanah Arab dan kaedah pembelajaran paling popular ialah hafalan atau bacaan berulang-ulang.

Hasilnya, lahir tokoh seperti Sheikh Abdul Malik Abdullah (Tuk Pulau Manis) di Terengganu, Tuk Selehor di Kelantan dan Haji Muhammad Salleh Penaga di Kedah, pada abad ke-18 atau akhir abad ke-19.

Sistem pendidikan yang teratur hanya wujud selepas kemasukan Inggeris dari 1800 hingga 1956 melalui dasar 'laissez-faire' yang mewujudkan Sekolah Vernakular Melayu, Sekolah Vernakular Cina, Sekolah Vernakular Tamil, Sekolah Inggeris dan Sekolah Agama Madrasah.

Setiap jenis sekolah dibina mengikut kemampuan kelas masyarakat berkenaan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta kurikulum berlainan berdasarkan orientasi pemilikinya sama ada pendakwah Kristian, pedagang Cina, tuan punya ladang (Inggeris) atau guru agama Islam.

Keperluan kepada buruh separa mahir dan pentadbir rendah menyebabkan Inggeris menubuhkan Free Schools di Negeri-negeri Selat dan Negeri Melayu Bersekutu iaitu Penang Free School pada 1816, Malacca Free School pada 1826, Victoria Institution, Kuala Lumpur pada 1894 dan King Edward VII, Taiping pada 1906.

Semangat kapitalisme Inggeris pada awal abad ini mendesak mereka memunggang kekayaan Malaya dalam jumlah berlipat kali ganda hingga Jawatankuasa Winstedt (1916) dan Jawatankuasa Lemmon (1918) mencadangkan penubuhan sekolah vokasional, teknik, perdagangan, pertanian dan pertukangan di Kuala Lumpur.

Pada masa yang sama, vernakularisme iaitu sekolah berdasarkan bahasa ibunda terus berkembang kerana Inggeris tidak pernah berhajat memajukan taraf pendidikan penduduk Semenanjung Tanah Melayu yang kemudian akan menimbulkan kesedaran untuk menentang mereka.

Sekolah rendah Melayu yang ditaja Inggeris mula ditubuhkan pada 1856 tetapi tidak mendapat sambutan dan kemudiannya diperbaharui dengan pengajaran mata pelajaran seperti bahasa Melayu, Matematik, Sejarah dan Ilmu Alam di sebelah pagi dan bahasa Arab serta al-Quran di sebelah petang.

Penerimaan yang baik daripada masyarakat menyebabkan kekurangan guru Melayu hingga membawa kepada penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim, Perak pada 1922 dan Maktab Perguruan Perempuan Melayu di Melaka pada 1935.

Mulai awal alaf ini, orang Melayu mula sedar bahawa sekolah Inggeris lebih berprestij dan menjamin mobiliti sosial berbanding sekolah Melayu hingga masyarakat Melayu di Negeri-negeri Selat dan Negeri Melayu Bersekutu gemar menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris di bandar.

Pendidikan Inggeris terus dikembangkan oleh persatuan pendakwah Kristian seperti Katolik, Methodist, La Salle, Protestant dan sekolah Inggeris persendirian serta sekolah Inggeris untuk anak bangsawan Melayu melalui penubuhan Maktab Melayu Kuala Kangsar pada 1905.

Sekolah Vernakular Cina sejak 1816 di Melaka pula berkembang dengan kurikulum berorientasikan pemikiran Tanah Besar China dengan buku teks dari negara China.

Kemudian, timbul tokoh agama Islam Kaum Muda yang dipimpin oleh Sheikh Tahir Jalaludin dan Sayid Sheikh Ahmad Al-Hadi yang menganggap sekolah Inggeris, bahkan sekolah vernakular Melayu menyebarkan ideologi sekularisme yang bertentangan dengan nilai konservatisme fundamentalisme.

Antara 1920-an hingga 1940-an, golongan itu membina Sekolah Agama Madrasah yang moden di Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu untuk bersaing dengan dua aliran sekolah berkenaan.

Perkembangan pendidikan kemudiannya dilencongkan ke timur dalam tempoh 1941 hingga 1946 selepas Jepun menubuhkan sekolah Nippon-go bagi menggantikan sekolah Inggeris, tetapi sekolah Melayu dan Tamil diteruskan dengan tambahan bahasa Jepun.

Perkembangan politik serantau pasca Perang Dunia Kedua mengubah pandangan semua kaum di Malaya hingga membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Barnes pada 1950 untuk memperbaiki mutu pendidikan untuk orang Melayu.

Laporannya antara lain mengesyorkan matlamat pendidikan dasar hendaklah membentuk bangsa berasaskan pelbagai kaum, semua sekolah vernakular dibubarkan dan digantikan dengan sekolah kebangsaan serta pendidikan dasar percuma selama enam tahun untuk kanak-kanak berusia enam tahun.

Laporan Barnes mendapat tentangan kaum Cina yang menganggap usaha itu akan menghapuskan kebudayaan mereka hingga membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Fenn-Wu.

Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk mengkaji Laporan Barnes dan Fenn-Wu yang kemudiannya menetapkan tiga objektif bagi melaksanakan sistem pendidikan bercorak kebangsaan, antaranya penggunaan dua bahasa di Sekolah Vernakular Melayu dan tiga bahasa di Sekolah Vernakular Cina serta Tamil.

Akhirnya, Ordinan Pelajaran 1952 menetapkan Sekolah Kebangsaan sebagai corak sistem persekolahan di samping Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris, tetapi Sekolah Vernakular Cina dan Tamil bukan sebahagian sistem itu.

Pada 1955, Jawatankuasa Pendidikan yang dipengerusikan Datuk Abdul Razak Hussein ditubuhkan untuk mengkaji struktur pendidikan termasuk peruntukan Ordinan Pelajaran 1952.

Laporan Razak menyatakan 'tujuan dasar pendidikan di dalam negara ini untuk menyatukan budak-budak daripada semua bangsa dalam negara ini dengan menggunakan satu peraturan pendidikan yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama secara beransur-ansur' untuk mewujudkan masyarakat harmoni.

Sufean dalam buku yang sama mengatakan cadangan dalam laporan itu dijadikan asas penggubalan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 yang menghasilkan pertambahan murid sekolah rendah dan menengah antara tiga hingga empat kali ganda.

Ini membawa kepada penubuhan lebih banyak Pusat Latihan Harian dan maktab perguruan untuk meningkatkan pengeluaran guru tempatan.

Sabah dan Sarawak yang terpisah daripada Malaya dari segi politik, ekonomi dan pentadbiran juga mempunyai dasar polarisasi Inggeris serta vernakularisme yang hampir sama hingga kedua-duanya menyertai Malaysia pada 16 September 1963 bersama Singapura.

Di Sabah dan Sarawak, terdapat tiga jenis persekolahan iaitu Sekolah Rendah Inggeris, Cina dan Melayu.

Di peringkat menengah, mulai 1963 di Sarawak terdapat Kelas Peralihan untuk murid sekolah rendah Cina belajar di Sekolah Menengah Melayu manakala di Sabah terdapat Kelas Titian bagi murid sekolah rendah Melayu atau Cina menyambung pengajian ke sekolah menengah Inggeris, Cina atau Melayu.

Laporan Rahman Talib 1960 membawa reformasi dalam struktur persekolahan Semenanjung dan kemudiannya di Sabah serta Sarawak kerana cadangannya antara lain membawa kepada pendidikan percuma untuk semua jenis sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan, had umur berhenti sekolah dinaikkan daripada darjah enam kepada tingkatan tiga dan memajukan pendidikan perdagangan, vokasional, teknik dan Sekolah Lanjutan Kampung.

Penguatkuasaan Akta Bahasa Kebangsaan 1967 memperkukuh kedudukan bahasa Malaysia dalam kurikulum sekolah kerana pelajar diwajibkan lulus mata pelajaran itu dalam Lower Certificate of Education (LCE) atau dikenali sebagai Sijil Rendah Pelajaran sejak 1963.

Rusuhan kaum 1969 membawa kepada kewujudan Dasar Ekonomi Baru yang menjadi panduan matlamat pendidikan dan ekonomi Malaysia.

Kurikulum sekolah menengah selepas itu lebih mengutamakan penyediaan pelajar untuk peperiksaan ('exam-oriented') kerana masyarakat berpendapat kelayakan akademik menjamin pekerjaan yang baik atau jawatan penting dalam perkhidmatan kerajaan.

Antara peperiksaan zaman itu ialah Sijil Cambridge Seberang Laut atau Malaysian Certificate of Education (MCE) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Persekolahan Vokasional Malaysia (SPVM), Higher School Certificate (HSC) atau Sijil Tinggi Persekolahan (STP) pada akhir tingkatan enam dan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima yang diperkenalkan sejak 1968.

Tempoh selepas kemerdekaan hingga 1970 boleh dikatakan sebagai zaman penyusunan semula struktur pendidikan negara manakala tempoh selepasnya hingga sekarang adalah era kemajuan pendidikan Malaysia.

Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) dalam bidang pendidikan ditumpukan untuk memperkukuhkan sistem pendidikan bagi menggalakkan perpaduan kebangsaan, memajukan program pendidikan dan latihan terutama dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi.

Pada 1970, rancangan alih bahasa pengantar daripada bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia untuk sekolah rendah Inggeris dimulakan termasuk di Sabah dan Sarawak hingga meliputi semua sekolah menengah pada 1982.

Laporan Kabinet yang dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran ketika itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghasilkan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada 1983 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada 1989.

KBSR diperkenalkan kerana kurikulum sebelumnya terlalu menekankan penguasaan kandungan pelajaran yang bercorak umum yang kurang menekankan kemahiran membaca, menulis dan mengira sehingga masih terdapat murid yang tidak menguasai tiga kemahiran itu setelah menamatkan persekolahan peringkat rendah.

KBSM pula bertujuan mengurangkan penyaluran (streaming) pelajar yang membelakangkan kecenderungan mereka kerana pengaliran kepada sastera atau sains secara tertutup menyekat mobiliti pembelajaran hingga pelajar mesti menyesuaikan diri dengan isi pelajaran dan bukan sebaliknya.

Laporan Kajian Keciciran (1973) atau Laporan Murad yang bertujuan mengurangkan kadar keciciran khususnya murid miskin di luar bandar membawa kepada Skim Pinjaman Buku Teks bermula 1975 dan projek Amalan Makanan dan Pemakanan pada 1976, pemberian biasiswa atau dermasiswa dan Rancangan Sekolah Bercantum.

Untuk membantu guru mempertingkatkan mutu pengajaran, Rancangan TV Pendidikan dimulakan pada 1972 termasuk ke Sabah dan Sarawak dengan hampir kesemua sekolah kini dilengkapi dengan kemudahan radio, televisyen dan sumber pembelajaran lain.

Mulai tahun depan, Kementerian Pendidikan akan memperkenalkan rancangan TV Pendidikan menerusi TV Satelit melalui saluran digital Astro yang turut menyiarkan pelbagai rancangan dokumentari bermutu tinggi.

Pada 1996, kerajaan mencadangkan Sekolah Bestari iaitu salah satu aplikasi perdana untuk menjayakan Koridor Raya Multimedia bagi menghasilkan lepasan sekolah yang celik komputer.

Konsep pengajaran dan pembelajaran juga berubah daripada hafalan di zaman sekolah pondok atau berpusatkan guru pada zaman sebelum KBSR kepada berorientasikan pelajar.